


# CERAMAH BERSIRI



"My Food Size ..."

oleh

Awg Norsal Hj Salleh

Pegawai Penjaga Zat Makanan

4 Disember 2014



"Elau"

oleh

Hj Zakaria bin Zainal

Penolong Pentadbir

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

29 Januari 2015



Semua ceramah akan  
diadakan pada:

Jam

3.00 petang

Tempat

Pusat CME

Jabatan Perkhidmatan  
Kesihatan

(Aras 6, Kondominium Ong Sum Ping)

Semua pegawai  
dan  
kakitangan JPK  
di alu-alukan hadir

## Peranan Jururawat Pengajar Diabetes (Diabetic Nurse Educator)

Tugas -tugas utama Jururawat Pengajar Diabetes

- Memberi pendidikan mengenai penyakit diabetes dan pengurusan diabetes melalui amalan terbaik kepada pesakit, keluarga pesakit dan orang ramai. Ianya di buat secara 'one to one' basis atau berkumpulan.
- Memberi khidmat kaunseling dan membuat pemantauan secara beterusan kepada pesakit diabetes yang mempunyai tahap gula darah yang tidak terkawal melalui rujukan doktor atau penilaian sendiri.
- Memberi tunjuk ajar teknik penggunaan suntikan insulin, ubat-ubatan diabetes, mesin glukometer dan cara pengurusan hipoglisemia (tahap gula rendah) kepada pesakit dan keluarga pesakit.
- Membuat pemeriksaan dan pendidikan mengenai penjagaan kaki di kalangan pesakit diabetes.
- Memberi latihan kepada jururawat dan kakitangan kesihatan mengenai penyakit diabetes.

### Aktiviti-Aktiviti JPK

'3<sup>rd</sup> Clinical Audit Symposium'

23 Januari 2015

'Healthcare Quality Workshop'

2 & 3 Mac 2015

### Antara Kandungan akan datang

- Perkhidmatan Kesihatan Daerah Temburong
- Tugas dan Tanggungjawab Tukang Pancut dan Pemungut Serangga

### Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan  
dan Perkembangan  
Pejabat Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Kesihatan

Tel  
2381640 Sambungan 6161  
Fax  
2382032  
Emel  
health.quality@moh.gov.bn

### Sidang Editorial

#### Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

#### Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)  
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

#### Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)  
Pegawai Jururawat Kesihatan

Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)  
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)  
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)  
Atendan Kesihatan

#### Sumber

Perkhidmatan Saintifik  
Perkhidmatan Masyarakat  
Perkhidmatan Alam Sekitar

Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Ketiga

DISEMBER 2014 - JANUARI 2015

### Petikan Titah

"Kita tidaklah seharusnya merasa complacent, apatah lagi lalai atau kurang waspada. Ini kerana, seperti mana negara-negara lain di dunia, kita juga tidak terkecuali berhadapan dengan pelbagai cabaran kesihatan dan penyakit, yang bukan saja menggugat masyarakat dan negara, malahan juga boleh menjasaskan pembangunan sosioekonomi negara."

Antara cabaran-cabaran tersebut termasuklah peningkatan jumlah penghidap penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit, seperti penyakit kanser, jantung, kencing manis dan darah tinggi, yang tidak mengenal usia atau status sosial. Penyakit-penyakit seperti ini, beta difahamkan, adalah menjadi penyebab utama kematian di negara ini.

Dalam menangani cabaran-cabaran sedemikian, beta berharap semua stakeholders yang berkenaan, khususnya Kementerian Kesihatan akan terus melipatgandakan usahanya dengan membuat pendekatan-pendekatan lebih holistik mengikut amalan terbaik, seperti menggunakan pakai kaedah yang lebih 'kos efektif' serta prinsip 'pencegahan lebih baik daripada rawatan'."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
di Majlis Ilmu 2012 Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66  
Pada Hari Selasa, 23 Syawal 1433H bersamaan 11 September 2012M  
Bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

### Petikan Sabda

"Nikmat kesihatan adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ternilai yang sewajarnya disyukuri dan dihargai. Kesihatan yang terjamin membolehkan setiap individu untuk menjalankan aktiviti harian masing-masing, di samping menunaikan kewajiban ibadah serta aktiviti berkebajikan dengan lebih sempurna, produktif, dan keselesaan..."

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
di Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014  
Pada Hari Selasa 13 Zulkaedah 1435H bersamaan 9 September 2014M  
Bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan

ISU  
KALI  
INI

• Petikan Titah

• Petikan Sabda

• Antara Peranan JPK  
Membanteras  
Penyakit-Penyakit  
Tidak Berjangkit



## Antara Peranan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dalam Membanteras Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit

### Peranan Klinik Pemeriksaan Kesihatan (Health Screening Clinic)

#### Apakah Fungsi Klinik Pemeriksaan Kesihatan?

Klinik Pemeriksaan Kesihatan ini berfungsi sebagai klinik penyaringan untuk mengesan dan mencegah penyakit kronik seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan tinggi kolesterol. Klinik ini dikendalikan oleh Jururawat yang terlatih.



#### Siapakah yang layak mengikuti Klinik ini?

- Semua warga negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap di dalam kawasan tadbiran Pusat Kesihatan berdekatan
- Berumur 40 tahun ke atas
- Tidak mempunyai perjanjian berterusan ("follow-up appointment") di Pusat Kesihatan atau Klinik Pakar



#### Apakah Objektif Klinik ini?

- Memberi peluang kepada orang awam menjalani pemeriksaan kesihatan
- Mendapatkan rawatan dan / atau khidmat nasihat awal mengenai kesihatan mereka jika perlu
- Menjana ke arah kehidupan yang berkualiti dengan menanamkan kesedaran / konsep kesihatan diri adalah tanggungjawab bersama



#### Apakah pemeriksaan dan khidmat yang akan diberikan?

- Pemeriksaan Berat Badan
- Pemeriksaan Tekanan Darah
- Pemeriksaan Gula dalam Darah
- Pemeriksaan Tahap Kolesterol
- Khidmat Nasihat dari Jururawat
- Rujukan kepada Doktor atau Pakar-pakar (jika perlu)

### Peranan Jururawat Kesihatan Sekolah



- Menjalankan penilaian Kesihatan dan semua aktiviti-aktiviti pemeriksaan (mengikut tahun sasaran):
  - a) Mengukur berat badan dan ketinggian
  - b) Pengurusan berat badan berlebihan dan kurang timbangan bagi penuntut-penuntut yang mempunyai masalah berat badan.
  - c) Ujian penglihatan jauh dan ujian perbezaan warna "Colour Blindness".
  - d) Membantu Pegawai Perubatan dalam pemeriksaan dan pemberian rawatan.
  - e) Membuat Ujian Pendengaran.
  - f) Memberi suntikan vaksin yang berterusan.
- Membuat rujukan kepada Pegawai Kesihatan Sekolah, Pusat Kesihatan, Klinik-Klinik Pakar dan lain-lain yang berkaitan.
- Bekerjasama dengan Pengetua, guru-guru dan kakitangan sekolah dalam mempromosi kesihatan kepada penuntut sekolah.
- Bekerjasama dengan Unit Pendidikan Khas bagi penuntut-penuntut yang mempunyai masalah dengan pembelajaran (SENA).
- Bekerjasama dengan Unit Psikologi bagi penuntut-penuntut yang mempunyai masalah psikologi.
- Memberi vaksinasi Human Papilloma Virus (HPV) kepada penuntut perempuan Tahun 7 dan Tahun 11.
- Membantu Pegawai Perubatan dalam memberikan kaunseling 'one to one therapy' untuk pelajar yang mempunyai masalah berat badan yang berlebihan.

## Peranan Bahagian Permakanan Masyarakat



#### Matlamat Strategik Bahagian Permakanan Masyarakat

- Program-program kaunseling dan pendidikan pemakanan yang komprehensif lagi intensif
- Promosi pembekalan dan pengambilan makanan yang sesuai, seimbang, sihat lagi menjimatkan
- Program-program pemakanan kebangsaan ke arah Cara Hidup Sihat
- Penggubalan / pengubahsuaian polisi / peraturan / garispandu makanan dan pemakanan
- Disertai dengan mekanisme pemantauan, analisa, penilaian dan rancangan tindakan terhadap status pemakanan penduduk yang berterusan

#### Peranan Klinik Permakanan (Pusat-Pusat Kesihatan)

- Perkhidmatan kaunseling dan pendidikan diet/permakanan kepada individu-individu yang memerlukan kawalan pemakanan bagi mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit.
  - o Memastikan jenis penyakit yang dialami
  - o Menerangkan tujuan utama kaunseling permakanan diperlukan
  - o Mendapatkan keterangan sejarah permakanan yang sedia ada
  - o Menilai semula keterangan permakanan yang telah diberikan dan membuat analisa
  - o Memberikan nasihat dan mengubahsuai diet dan caara hidup kepada yang lebih sihat.
  - o Memberikan risalah-risalah permakanan tertentu
  - o Membuat temujanji seterusnya jika perlu

#### Jadual Perkhidmatan Klinik Pemakanan bagi Kanak-Kanak (0-5 Tahun) dan Ibu-Ibu Mengandung

Minggu Setiap Bulan	Klinik Kanak-kanak					Klinik Ibu Mengandung				
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Sabtu	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Sabtu
Minggu 1	► Sg Kelugos	► Pengkalan Batu Seria	PAPHRSB Sg Assam	► Sg Kebun	Tutong	► Sg Kelugos	► Pengkalan Batu Seria	PAPHRSB, Sg Assam	► Sg Kebun	
Minggu 2		Kiarong	PKJP Sengkurong	Sg Hanching	► Bangar (Temburong)		Kiarong	PKJP Sengkurong Rimba Tutong Sg Liang	Sg Hanching Sengkurong	► Bangar (Temburong)
Minggu 3		Rimba	Sg Besar		Kuala Belait		Rimba	Sg Besar		
Minggu 4	Lambak	Muara Rimba	Bunut		Perpindahan Berakas 'A'	Lambak	Muara	Bunut (Pagi)		Perpindahan Berakas 'A'

► - Klinik yang hanya diadakan sekali dalam dua bulan Klinik Ibu-ibu mengandung juga diadakan di pejabat Bahagian Permakanan Masyarakat setiap hari Isnin dan Khamis di sebelah petang sahaja.

#### Jadual Perkhidmatan bagi Bahagian Kesihatan Asasi di Pusat-Pusat Kesihatan

Minggu	Pusat-Pusat Kesihatan				
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Sabtu
Minggu 1	Muara (Pagi) Kuala Belait (Pagi) Seria (Petang)	Berakas B (Sg Hanching-pagi / petang)	BSB (Pagi) PK Rimba (Pagi)	PKJP Sengkurong (Pagi) PK Rimba (Pagi)	Berakas A (Anggerek Desa-Pagi)
Minggu 2	PAPHRSB, Sg Assam (Pagi) Kuala Belait (Pagi) Seria (Petang) Muara (Pagi)	Berakas B (Sg Hanching-pagi / petang)	BSB (Pagi)	PKJP Sengkurong (Pagi) PK Rimba (Pagi)	Berakas A (Anggerek Desa-Pagi)
Minggu 3	Muara (Pagi) PAPHRSB, Sg Assam (Pagi) Kuala Belait (Pagi) Seria (Petang)	Berakas B (Sg Hanching-pagi / petang) Pengkalan Batu	BSB (Pagi) PK Rimba (Pagi)	PKJP Sengkurong (Pagi) PK Rimba (Pagi) PK Bunut (Pagi)	Berakas A (Anggerek Desa-Pagi)
Minggu 4	Muara (Pagi) Sg Liang (Pagi & Petang)	Berakas B (Sg Hanching-pagi / petang)	PK Rimba (Pagi) PK Tutong (Pagi)	PKJP Sengkurong (Pagi) PK Rimba (Pagi) PK Bunut (Pagi)	Berakas A (Anggerek Desa-Pagi)
Minggu 5 (jika Ada)	Kuala Belait (Pagi) Seria (Petang)				Berakas A (Anggerek Desa-Pagi)